

SIKAP DAN TINGKAH LAKU GEN Y TERHADAP AMALAN ‘BUDI BAHASA, BUDAYA KITA’

JAMILAH AHMAD & NUR NASLIZA ARINA MOHAMAD NASIR

ABSTRAK

Amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’ semakin terhakis dalam kehidupan masyarakat Malaysia khususnya Gen Y. Bercakap kasar, menconteng harta benda awam, tidak menghormati orang tua adalah beberapa amalan tidak berbudi bahasa yang sering dilakukan oleh Gen Y pada masa kini sehingga mencetuskan kebimbangan semua pihak. Ini adalah kerana, Gen Y merupakan aset yang berharga kepada negara kerana kebolehan dan keupayaan mereka dalam memberi sumbangan terhadap pembangunan dan kemajuan negara. Maka adalah penting untuk mendidik dan mempengaruhi generasi ini agar mengaplikasikan amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ dalam kehidupan kerana, kebolehan, keupayaan dan keistimewaan generasi ini tidak akan sempurna dan berguna kepada negara jika akhlak dan peribadi mereka tidak dijaga dan dipelihara. Kajian ini bertujuan untuk memahami pengetahuan, sikap dan tingkah laku Gen Y terhadap amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ dalam kehidupan mereka. Hasil kajian mendapati, pengetahuan Gen Y terhadap amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ adalah tinggi. Majoriti responden memahami amalan atau perkara yang digolongkan sebagai berbudi bahasa. Majoriti responden beranggapan bahawa, amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ adalah penting untuk dipraktikkan serta merupakan satu kewajipan dan kemestian bagi masyarakat untuk mengaplikasikannya.

Kata Kunci: Amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’, Gen Y, Pengetahuan, Sikap, Tingkah Laku

ABSTRACT

The practices of ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’ is seen to be eroding in the lives of Malaysian especially the Gen Y. Talking harshly, acts of vandalism and not respecting the elderly are some of the non-courteous actions that have been frequently done by Gen Y population which has heightened concern in our society. It becomes an issue because Gen Y are valuable asset to the nation due to their abilities and capacity to contribute to the nation’s growth and development. Therefore, it is important to educate and influence this generation to apply the practices of ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ in their lives because their abilities, capabilities and specialties will not be complete and useful to the nation if their personality and sense of courtesy are not well maintained and eroded. This research intends to understand the knowledge, attitude and response of the Gen Y to the practices of ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ in their daily activities. Results of the research indicate that Gen Y’s knowledge on the practices of ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’ was high. Majority of the respondents knows such practices are categorised as courteous. Majority of the

respondents thought that the practices of 'Budi Bahasa Budaya Kita' are important and necessary to harness harmony in society

Keywords: *The Practices of 'Budi Bahasa, Budaya Kita, Gen Y, Knowledge, Attitude, Response*

PENGENALAN

'Budi Bahasa, Budaya Kita' merupakan satu amalan yang cuba diterapkan oleh kerajaan dalam diri setiap masyarakatnya untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana, masyarakat Malaysia kini menghadapi satu senario di mana sifat-sifat luhur serta kesantunan budi bahasa yang dulu menjadi kebanggaan masyarakat semakin terhakis di samping identiti dan jati diri masyarakat semakin luntur. Tambahan lagi, budi bahasa yang paling asas iaitu memberi salam, melemparkan senyuman serta mengucapkan terima kasih masih sukar dilihat dalam masyarakat dan nampaknya semakin dilupakan terutamanya oleh Gen Y pada masa kini (Ku Seman, 2013; Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2011; Norazlina, 2013).

Menurut Wan Mohd Ruzlan (2011), berbudi bahasa boleh didefinisikan sebagai percakapan yang baik, elok dan bersopan ketika bertutur kata, tinggi dan berhemah budi bicaranya, beradab, bersopan santun, tertib, bersikap lemah lembut, bertingkah laku baik serta mempunyai akhlak yang murni. Dalam konteks agama pula, Islam adalah sangat mementingkan budi bahasa sebagai antara elemen yang menyempurnakan Islam seseorang selain dari aspek akidah dan syariahnya (Siti Shamsiah, 2012). Dalam Musnad Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, beliau meriwayatkan, Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya aku hanya diutus untuk menyempurnakan budi pekerti yang luhur". Selain daripada itu, Islam juga mewajibkan umatnya agar berbudi bahasa dan berakhlak mulia. Sebagai seorang yang beragama Islam, individu tersebut haruslah menunjukkan contoh teladan yang baik serta menghormati orang lain sebagaimana mahu dirinya dihormati (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011).

Amalan budi bahasa bukan sahaja penting dalam masyarakat Melayu, tetapi ia juga penting kepada semua kelompok masyarakat. Tujuan mengamalkan cara hidup berbudi bahasa adalah untuk mewujudkan suasana aman, harmoni, kerjasama, hormat-menghormati, kasih sayang dan kesejahteraan. Tidak ada gunanya jika masyarakat Malaysia kaya dari segi kebendaan tapi mufis dari segi keperibadian. Di samping itu, Malaysia akan dianggap sebagai sebuah negara yang bertamadun jika masyarakatnya terdiri daripada insan-insan yang mengamalkan budaya murni dalam kehidupan (Kementerian Penerangan Malaysia, 2008).

Dengan melihat kepada keperluan dan kepentingan bagi masyarakat terutamanya kepada golongan Gen Y dalam mengamalkan amalan 'Budi Bahasa, Budaya Kita' dalam kehidupan, maka kajian ini bertujuan untuk memahami

pengetahuan, sikap dan tingkah laku Gen Y terhadap amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’ dalam kehidupan mereka. Hal ini amat penting kerana dengan mengetahui pengetahuan, sikap dan tingkah laku mereka terhadap amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’, ia akan dapat memberikan gambaran realiti tentang sejauhmanakah tahap ilmu pengetahuan dan pengaplikasian mereka terhadap amalan ini. Dapatan kajian membolehkan pihak yang berwajib mengambil tindakan dan pendekatan yang sewajarnya dalam memantapkan lagi kempen amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’ ini di masa hadapan.

SOROTAN LITERATUR

Generasi Y atau Gen Y merupakan generasi yang lahir dari tahun 1980 sehingga tahun 2000 dan kini berada dalam lingkungan umur 15 hingga 30 tahun (Ketua Setiausaha Negara Malaysia, 2013). Gen Y mempunyai representasi yang tinggi dalam kalangan penduduk di Malaysia iaitu lebih daripada 8 juta orang (28%) daripada keseluruhan 29 juta penduduk yang ada di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Generasi ini adalah generasi yang berorientasikan matlamat dan pencapaian, yakin pada diri sendiri, bercita-cita tinggi dan mampu untuk hidup berdikari (Choong et al., 2013; Meier, 2010). Di samping itu, Gen Y juga hidup dalam dunia internet dan teknologi dan mereka sentiasa mahukan sesuatu yang mencabar. Mereka amat bosan dalam menjalani rutin harian yang sama tetapi amat menyukai kegiatan sosial. Perkara yang paling penting bagi Gen Y ialah mereka hidup dalam dunia yang membolehkan mereka dapat berhubung dan berinteraksi dengan secara global tanpa sempadan (Megat, 2013).

GenY juga dikenali sebagai generasi teknologi maklumat. Di antara televisyen dengan internet, Gen Y akan lebih memilih dan beranggapan bahawa internet adalah lebih penting berbanding dengan televisyen dan mereka tidak peduli dengan ketiadaan televisyen. Generasi ini sudah tidak dapat dipisahkan lagi dengan internet dan tidak bergantung sepenuhnya kepada media massa kontemporari (Haziq, 2013). Gen Y adalah generasi yang pada lahirnya sudah berhadapan dengan pelbagai aplikasi yang terdapat di dalam internet seperti *Google*, *Facebook* dan *Twitter* serta generasi yang bebas bersosial dan menyuarakan pendapat di samping akan memilih saluran berita dan hiburan mengikut kehendak mereka sendiri di atas talian (Haziq, 2013).

Terdapat ciri-ciri ketara yang dapat dilihat dalam diri Gen Y. Antaranya ialah mereka inginkan kebebasan dalam membuat pilihan dan bersuara, menghargai keterbukaan, ketelusan dan integriti, cenderung kepada kolaborasi dan hubungan di antara satu sama lain, interaktif serta inginkan sesuatu secara cepat dan pantas (Norhidayyu, 2012). Selain daripada itu, mereka memiliki bakat dan potensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat di samping suara dan pandangan mereka mampu menjana idea-idea baru yang bakal melakar potret Malaysia yang lebih indah dalam lanskap dunia yang sentiasa berubah. Mereka juga merupakan pencetus dan ejen perubahan yang boleh memberikan

impak yang positif kepada agama, bangsa dan negara (Ketua Setiausaha Negara Malaysia, 2013; Ahmad Irfan, 2013).

Pada masa yang sama, Gen Y tidak terlepas daripada dikaitkan dengan pelbagai isu negatif yang membimbangkan. Isu negatif yang paling popular dan sering dikaitkan dengan golongan ini adalah mengenai amalan berbudi bahasa yang diamalkan oleh mereka pada masa kini. Menurut Norazlina (2013), Gen Y merupakan kelompok masyarakat yang dilihat semakin terhakis dan terhapusnya amalan 'Budi Bahasa, Budaya Kita' dalam kehidupan. Hal ini dapat dilihat melalui cara pertuturan mereka yang kurang beradab dan bersopan di tambah pula apabila mereka sudah tidak lagi segan silu bercakap kasar bukan saja ketika di kalangan rakan sebaya bahkan juga pada golongan yang lebih berusia. Tambahan lagi, Utusan Malaysia (2011) melaporkan, perbuatan seperti merosakkan harta benda awam, menconteng, tidak mematuhi peraturan, melawan guru dan sebagainya adalah contoh yang menggambarkan nilai-nilai murni dan budi bahasa yang semakin terhakis dalam kalangan Gen Y pada masa kini. Melihat kepada situasi ini, pelbagai usaha dan tindakan telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi memastikan amalan ini dipraktikkan sepenuhnya dalam kehidupan masyarakat khususnya Gen Y.

Dalam merealisasikan hasrat menjadikan 'Budi Bahasa, Budaya Kita' sebagai amalan dalam kehidupan masyarakat, kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan dan Warisan (KEKWA) telah melancarkan kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni pada tanggal 11 Februari 2005 (Ku Seman, 2013). Kempen Budi Bahasa yang telah dilancarkan tersebut merupakan agenda lima tahun kerajaan dalam misinya melahirkan rakyat Malaysia yang berbudi bahasa. Di antara perbuatan yang tidak berbudi bahasa yang dinyatakan dalam kempen tersebut adalah seperti situasi di mana pemandu tidak bertimbang rasa di jalan raya, orang ramai membuang sampah sesuka hati, memotong barisan dan tabiat memandu yang kurang sopan serta merbahaya, tidak memohon maaf apabila melakukan kesilapan, kurangnya perasaan sivik terhadap harta benda awam dan banyak lagi (Kementerian Penerangan Malaysia, 2008).

Selain daripada itu, dalam menjayakan kempen 'Budi Bahasa Budaya Kita', pelbagai strategi telah dilakukan dalam menyebarkan amalan ini agar dapat mempengaruhi masyarakat untuk mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Di antara strategi yang dilakukan adalah seperti penyebaran mesej amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' melalui lagu yang disiarkan di televisyen dan radio serta penerbitan kata-kata hikmah dan nasihat mengenai amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' yang dicetak di atas poster dan billboard yang dipaparkan di lebuhraya dan jalan-jalan raya di mana ia boleh dilihat dan di baca oleh masyarakat. Selain daripada itu, iklan mengenai amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' juga disiarkan di media cetak dan elektronik seperti di dalam buku, akhbar, televisyen dan radio secara berulang kali demi memastikan ia dapat mempengaruhi perlakuan dan tingkah laku masyarakat dalam mengamalkan amalan murni ini (Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2011).



Rajah 1: Kempen ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ yang disebarakan melalui poster

(Sumber: Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2011)

Pada Mac 2011, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan YB Tan Sri Dr. Rais Yatim menjelaskan, pihak kementeriannya akan mengatur beberapa program dan kegiatan berkaitan kempen ini untuk dilaksanakan di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi awam serta swasta di seluruh negara. Selain itu, beliau memaklumkan bahawa kempen ini akan disemarakkan dengan pelbagai kegiatan serta penyebaran mesej mengenai amalan ini menerusi siaran di pelbagai media cetak dan elektronik. Di samping itu, beliau juga menyeru agar semua akhbar media cetak sama ada yang berbahasa Melayu, Cina, Inggeris atau Tamil, untuk bersama-sama membantu dalam menyemarakkan kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat di negara ini (Tan Sri Dr. Rais Yatim, 2011).

Tambahan lagi, beliau turut memaklumkan, terdapat beberapa strategi yang akan dilakukan dalam menjayakan kempen ini seperti melancarkannya di Sabah dan Sarawak menerusi saluran baru RTM, memohon siaran secara berulang kali di radio, menyiarkan ungkapan yang baik daripada Timbalan Menteri dan Pegawai-pegawai kementerian yang mempunyai kata-kata hikmah berkaitan dengan budi bahasa di saluran RTM serta menyelitkan selingan amalan budi bahasa setiap hari dalam bentuk lagu, ungkapan, frasa atau program-program yang berkaitan.

Seterusnya, pada Jun 2011, Bernama (2011) melaporkan bahawa Kempen ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ akan diterapkan dengan nafas baru dan bakal dikenali sebagai ‘Kempen Adab dan Sopan’ supaya lebih mudah difahami dan diterima oleh masyarakat pelbagai kaum seperti yang dinyatakan oleh Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Tan Sri Dr. Rais Yatim. Pendekatan adab dan sopan dipilih adalah kerana ia berlandaskan kepada prinsip Rukun Negara yang kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan yang masih belum lagi diterokai sepenuhnya di samping bagi menyemarakkan lagi kempen nilai murni dalam kalangan masyarakat. Selain itu, Radio Televisyen Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) akan memainkan peranan penting untuk

menggarap tenaga bagi menjayakan setiap kempen yang dianjurkan di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

Tidak dinafikan bahawa kempen mempromosikan amalan budi bahasa dan nilai murni dalam kalangan masyarakat adalah penting tetapi apa yang lebih penting adalah menjadikan budi bahasa dan nilai murni yang dilancarkan itu sebagai suatu amalan dalam kehidupan masyarakat khususnya oleh Gen Y. Maka, adalah sangat penting untuk memupuk dan mendidik kembali amalan ini dalam kalangan Gen Y bagi memastikan amalan ini diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka kerana mereka adalah generasi pemimpin yang akan memacu dan memimpin negara di masa hadapan. Sejarah telah membuktikan bahawa, banyak empayar atau negara yang maju telah runtuh lantaran generasi yang mewarisinya gagal menjaga ketamadunan yang dicapai kerana mereka mempunyai moral yang rendah (Utusan Malaysia, 2011). Selain itu, kemajuan juga tidak akan sempurna sekiranya ia tidak dilengkapi dengan sikap dan tingkah laku yang luhur serta penuh dengan ketatassusilaan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan soal selidik dalam mendapatkan maklum balas daripada responden yang dikenalpasti. Responden yang terlibat di dalam kajian ini dipilih berdasarkan kepada persampelan bertujuan yakni merujuk kepada responden yang mempunyai karakteristik dan ciri-ciri tertentu. Dalam konteks kajian ini, responden yang terlibat perlu memenuhi dua karakteristik iaitu; (1) merupakan Gen Y yang berumur di antara 15-30 tahun; dan (2) boleh membaca dan menulis dengan baik. Sebanyak 100 orang responden yang terlibat di dalam kajian ini dan mereka merupakan Gen Y yang menetap di Pulau Pinang.

Borang soal selidik yang diedarkan kepada responden mengandungi empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C, dan D. Responden diminta untuk menjawab keempat-empat bahagian tersebut. Bahagian A adalah soalan mengenai demografi responden, manakala Bahagian B pula adalah soalan mengenai pengetahuan responden tentang amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita'. Manakala, bahagian C dan D pula adalah soalan mengenai sikap dan tingkah laku responden terhadap amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' di dalam kehidupan seharian mereka. Kesemua maklumat yang diperolehi daripada responden dianalisa menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial atau lebih dikenali sebagai SPSS.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian meliputi empat perkara utama iaitu demografi responden, pengetahuan responden tentang amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' serta sikap dan tingkah laku responden terhadap amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' dalam kehidupan seharian mereka.

Demografi Responden

Berdasarkan jantina, 90% daripada responden yang terlibat adalah perempuan dan hanya 10% responden lelaki yang terlibat dalam kajian ini. Hal ini adalah kerana, faktor kelapangan waktu yang dimiliki oleh banyak responden perempuan berbanding dengan responden lelaki yang ditemui oleh pengkaji ketika kajian ini dijalankan (sila rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Jantina Responden

Jantina	Bilangan (%)
Lelaki	10%
Perempuan	90%

Dari segi umur, majoriti daripada responden yang terlibat adalah merupakan Gen Y yang berumur dalam lingkungan 21 tahun hingga 30 tahun iaitu sebanyak 58%. Selebihnya iaitu sebanyak 42% pula adalah responden yang merupakan Gen Y yang berumur dalam lingkungan 15 tahun hingga 20 tahun (sila rujuk Jadual 2).

Jadual 2: Umur Responden

Umur	Bilangan (%)
15-20 tahun	42%
21-30 tahun	58%

Dari segi bilangan responden yang terlibat mengikut pecahan kelompok masyarakat pula, sebanyak 40% responden merupakan kelompok masyarakat yang terdiri daripada pekerja kilang, manakala 18% yang lain adalah kelompok masyarakat yang merupakan golongan profesional. Selain itu, sebanyak 32% responden yang terlibat adalah kelompok masyarakat yang merupakan pelajar sekolah menengah dan sebanyak 10% responden yang selebihnya pula adalah kelompok masyarakat yang terdiri daripada pelajar universiti (sila rujuk Jadual 3).

Jadual 3: Responden Mengikut Kelompok Masyarakat

Kelompok Masyarakat	Bilangan (%)
Pekerja Kilang	40%
Golongan Profesional	18%
Pelajar Sekolah Menengah	32%
Pelajar Universiti	10%

Pengetahuan Responden Tentang Amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’

Hasil daripada analisa data yang diperolehi (sila rujuk Jadual 4), pengkaji mendapati bahawa, tahap pengetahuan Gen Y terhadap amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ adalah tinggi. Hal ini dapat dilihat menerusi jawapan yang diberikan kepada

soalan-soalan yang dikemukakan pada bahagian pengetahuan tersebut. Sebanyak empat soalan subjektif telah dikemukakan dan majoriti daripada responden berjaya menjawab keempat-empat soalan tersebut dengan betul dan tepat.

Soalan pertama yang dikemukakan adalah berkenaan dengan apakah maksud amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' yang difahami oleh responden. Majoriti responden iaitu sebanyak 72% berjaya menjawab soalan tersebut dengan betul. Di antara jawapan yang diberikan adalah seperti (1) budi bahasa adalah menjadikan budi pekerti dan akhlak yang baik sebagai cara hidup atau bergaul dalam kehidupan; (2) budi bahasa merujuk kepada cara pertuturan, tata tertib kelakuan serta pergaulan yang sopan; dan (3) budi bahasa adalah perbuatan fizikal yang mencerminkan akhlak seseorang, apa yang dizahirkan melalui perbuatan menunjukkan sikap seseorang.

Soalan kedua pula adalah mengenai perbuatan atau perkara yang digolongkan sebagai berbudi bahasa yang diketahui oleh responden dan majoriti mereka iaitu sebanyak 98% berjaya memberikan jawapan yang betul. Di antara jawapan yang diberikan adalah seperti (1) menghormati orang tua; (2) mengucapkan terima kasih; (3) memberi salam; (4) bercakap sopan; dan (5) mengukir senyuman.

Manakala, soalan ketiga adalah mengenai perbuatan atau perkara yang digolongkan sebagai tidak berbudi bahasa yang diketahui oleh responden dan majoriti mereka iaitu sebanyak 92% berjaya memberikan jawapan yang tepat kepada soalan yang dikemukakan tersebut. Di antara jawapan yang diberikan adalah seperti (1) memotong barisan; (2) membuang sampah merata-rata; (3) bercakap kasar; (4) tidak menghormati orang lain; dan (5) merosakkan harta benda awam.

Soalan terakhir yang dikemukakan pada bahagian pengetahuan adalah mengenai tujuan mengaplikasikan amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' dalam kehidupan, dan majoriti responden iaitu sebanyak 72% telah berjaya menjawab soalan tersebut dengan betul dan tepat. Di antara jawapan yang diberikan adalah seperti (1) untuk mewujudkan keharmonian dan kestabilan; (2) mewujudkan suasana harmoni sesama masyarakat dan saling bekerjasama; dan (3) untuk mengurangkan pergeseran, hidup lebih harmoni serta menggalakkan persefahaman dan toleransi.

Secara keseluruhan, tahap pengetahuan responden terhadap amalan-amalan atau perkara-perkara yang digolongkan sebagai berbudi bahasa adalah sangat tinggi di mana majoriti mereka iaitu sebanyak 98% mengetahuinya dan hanya 2% sahaja yang tidak mengetahui tentang perkara tersebut. Selain itu, responden juga mempunyai pengetahuan yang baik mengenai amalan-amalan atau perkara-perkara yang digolongkan sebagai tidak berbudi bahasa. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti responden iaitu sebanyak 92% mengetahui akan amalan-amalan atau perkara-perkara tidak berbudi bahasa tersebut, dan hanya sebilangan kecil iaitu 8% sahaja yang tidak mengetahuinya.

Selain daripada itu, pengkaji mendapati bahawa terdapat perkaitan yang

rapat di antara tahap pengetahuan responden mengenai maksud amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ dengan tujuan mengaplikasikan amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ dalam kehidupan. Hal ini kerana, responden yang tidak mengetahui akan maksud amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ secara tidak langsungnya juga tidak mengetahui akan tujuan mengaplikasikan amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ dalam kehidupan. Perkara ini dapat dilihat apabila sebanyak 28% responden yang gagal memberikan jawapan mengenai maksud amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ juga gagal dalam memberikan jawapan mengenai tujuan mengaplikasikan amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ dalam kehidupan. Dalam erti kata yang mudah, responden yang tidak mengetahui maksud amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ secara automatiknya juga tidak akan mengetahui tujuan mengaplikasikan amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ dalam kehidupan.

Oleh itu, adalah penting untuk memberikan tumpuan dan penekanan yang lebih dari segi pemberian maklumat mengenai maksud amalan Budi Bahasa Budaya Kita’ serta tujuan mengaplikasikan amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ dalam kehidupan kepada para responden. Hal ini kerana, majoriti daripada responden mempunyai pengetahuan yang sedikit tentang kedua-dua perkara tersebut yang secara tidak langsung akan menjejaskan keberkesanan kempen amalan Budi Bahasa Budaya Kita’ disebabkan kurangnya pengetahuan dan pemahaman responden terhadap dua perkara tersebut yang merupakan pengetahuan asas yang perlu diketahui mengenai amalan ini.

Jadual 4: Pengetahuan Responden Tentang Amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’

	Pengetahuan Responden Tentang Amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’	Jawapan		Min
		Betul (%)	Salah (%)	
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’.	72	28	1.28
2.	Senaraikan perbuatan / perkara yang di golongan sebagai berbudi bahasa.	98	2	1.02
3.	Senaraikan perbuatan / perkara yang di golongan sebagai tidak berbudi bahasa.	92	8	1.08
4	.Apakah tujuan mengaplikasikan amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ dalam kehidupan.	72	28	1.28

Responden Terhadap Amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’

Manakala, dapatan kajian (sila rujuk Jadual 5) mengenai sikap responden terhadap amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ pula mendapati bahawa, sikap responden terhadap amalan tersebut adalah positif dan berada pada tahap sederhana. Hal ini dapat dilihat menerusi maklum balas majoriti daripada responden yang memperlihatkan sikap positif mereka terhadap amalan tersebut melalui soalan-soalan yang dikemukakan.

Sikap paling positif serta min yang paling tinggi dapat dilihat menerusi soalan mengenai (1) amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ adalah tidak penting; serta (2) amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ adalah menyusahkan. Kedua-dua soalan tersebut memperlihatkan maklum balas yang positif daripada responden apabila majoriti daripada responden memberikan jawapan tidak setuju serta sangat tidak setuju terhadap kedua-dua soalan tersebut. Di samping itu, min bagi kedua-dua soalan tersebut berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.46.

Selain daripada itu, sikap positif responden terhadap amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ dapat dilihat apabila responden memberikan maklum balas yang positif terhadap soalan mengenai adakah amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ adalah tanggungjawab masyarakat untuk mengamalkannya. Sebanyak 50% responden menyatakan sangat setuju di samping 48% responden yang lain menyatakan setuju terhadap soalan tersebut yang memperlihatkan pendirian mereka yang menganggap bahawa amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ adalah sememangnya merupakan tanggungjawab masyarakat untuk mengamalkannya.

Tambahan lagi, sikap positif responden terhadap amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’ dapat dilihat menerusi maklum balas mereka terhadap soalan mengenai adakah amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ merupakan satu kewajipan dan kemestian untuk mengamalkannya. Hal ini dapat dilihat apabila sebanyak 48% responden menyatakan sangat setuju di samping 48% responden yang lain menyatakan setuju bahawa amalan ini sememangnya wajib dan mesti diamalkan dalam kehidupan seharian. Sikap positif responden terhadap amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’ juga dapat dilihat melalui maklum balas yang memperlihatkan bahawa mereka bersetuju mengenai amalan ini perlu diterapkan semula dalam diri setiap masyarakat melalui pelbagai cara. Hal ini dapat dilihat apabila seramai 42% responden menyatakan sangat setuju di samping 46% responden yang lain menyatakan setuju mengenai perkara tersebut.

Hasil dapatan kajian mengenai sikap responden terhadap amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’ juga memperlihatkan, majoriti daripada responden bersetuju bahawa amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’ semakin kurang diamalkan oleh masyarakat. Sebanyak 66% responden menyatakan setuju di samping 10% responden yang lain menyatakan sangat setuju mengenai perkara ini. Di samping itu, responden juga secara khususnya menyatakan persetujuan bahawa amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’ kurang dipraktikkan oleh masyarakat muda. Ini dapat dilihat apabila sebanyak 18% responden menyatakan sangat setuju di samping 56%

responden yang lain menyatakan setuju. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa, adalah sangat bertepatan, rasional dan penting untuk kajian ini dijalankan oleh pengkaji kerana sememangnya golongan muda, iaitu Gen Y semakin kurang mengaplikasikan amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’ dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, amalan ini perlu diterapkan semula dalam diri setiap Gen Y.

**Jadual 5: Sikap Responden Terhadap Amalan
‘Budi Bahasa, Budaya Kita’**

	Sikap terhadap amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’	Sangat Setuju	Setuju	Neutral	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju	Min
1.	Amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ adalah:						
	a) tidak penting	2	4	-	34	60	4.46
	b) tanggungjawab masyarakat untuk mengamalkannya	50	48	-	2	-	1.54
	c) menyusahkan	-	-	-	54	64	4.46
	d) satu kewajipan / kemestian untuk mengamalkannya	48	48	2	2	-	1.58
	e) satu pilihan (boleh memilih untuk mengamalkannya atau tidak)	2	8	24	46	20	3.74
2.	Pada masa kini, amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’:						
	a) kurang diamalkan oleh masyarakat	10	66	16	8	-	2.22
	b) tanggungjawab kerajaan memastikan masyarakat mengamalkannya	32	42	10	14	2	2.12
	c) semakin dilupakan dan tidak dititikberatkan	14	56	16	10	4	2.34
	d) perlu diterapkan semula dalam diri setiap masyarakat melalui pelbagai cara	42	46	12	-	-	1.70
	e) semakin kurang dipraktikkan oleh masyarakat muda	18	56	12	12	2	2.2

Tingkah Laku Responden Terhadap Amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’

Dapatan hasil kajian (sila rujuk Jadual 6) mengenai tingkah laku terhadap amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ menunjukkan bahawa ia berada di tahap sederhana. Tingkah laku responden terhadap amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ berada di tahap sederhana dapat dilihat apabila majoriti daripada responden kerap melakukan atau mengamalkan amalan yang berbudi bahasa namun dalam masa yang sama, majoriti daripada responden juga kadangkalanya melakukan atau mengamalkan amalan yang tidak berbudi bahasa dalam kehidupan.

Hal ini dapat dilihat menerusi maklum balas responden terhadap soalan-soalan yang dikemukakan yang berkaitan dengan tingkah laku mereka terhadap amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’ dalam kehidupan. Sebagai contoh, bagi soalan

mengenai adakah mereka melakukan atau mengamalkan amalan-amalan yang berbudi bahasa seperti memberi salam, melemparkan senyuman ikhlas, bersopan santun apabila berbicara, menghormati orang yang lebih tua, memohon maaf apabila melakukan kesilapan serta mengucapkan terima kasih, responden telah memberikan maklum balas bahawa mereka kerap melakukan amalan-amalan berbudi bahasa yang dinyatakan tersebut.

Manakala, merujuk kepada soalan mengenai adakah mereka melakukan atau mengamalkan amalan-amalan yang tidak berbudi bahasa seperti membuang sampah sesuka hati, memotong barisan dan tabiat memandu yang kurang sopan, merosakkan harta benda awam, menconteng di tempat-tempat awam, tidak bertimbang rasa ketika memandu serta tidak menghormati orang lain, majoriti daripada responden menyatakan kadangkala mereka melakukan atau mengamalkan amalan-amalan tidak berbudi bahasa tersebut.

Amalan berbudi bahasa yang paling kerap dilakukan oleh responden adalah amalan menghormati orang yang lebih tua. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti daripada responden iaitu sebanyak 64% menyatakan kerap melakukan amalan ini di dalam kehidupan seharian mereka. Selain daripada itu, amalan mengucapkan terima kasih juga merupakan amalan berbudi bahasa yang kerap dilakukan oleh responden iaitu sebanyak 62% responden yang menyatakan bahawa mereka sememangnya kerap mengaplikasikan amalan ini dalam kehidupan. Memberi salam merupakan amalan berbudi bahasa yang juga kerap dilakukan oleh responden iaitu dengan sebanyak 44% responden menyatakan bahawa amalan memberi salam sememangnya merupakan amalan berbudi bahasa yang kerap dilakukan.

Manakala, amalan yang tidak berbudi bahasa yang paling kerap dilakukan oleh responden pula adalah amalan memotong barisan dan tabiat memandu yang kurang sopan iaitu dengan sebanyak 42% responden yang mengaku bahawa mereka sememangnya melakukan amalan tidak berbudi bahasa tersebut. Selain itu, amalan tidak berbudi bahasa yang kerap dilakukan oleh responden juga adalah amalan membuang sampah sesuka hati iaitu dengan sebanyak 38% responden mengakui bahawa mereka telah melakukan amalan tersebut. Menconteng di tempat-tempat awam merupakan amalan tidak berbudi bahasa yang juga kerap dilakukan oleh responden. Hal ini dapat dilihat apabila sebanyak 30% responden menyatakan kerap melakukan amalan tidak berbudi bahasa tersebut dalam kehidupan mereka.

Melihat kepada tingkah laku responden terhadap amalan 'Budi Bahasa, Budaya Kita' yang bersifat positif namun adakalanya juga bersifat negatif memberikan gambaran bahawa responden tidak mengaplikasikan sepenuhnya amalan ini di dalam kehidupan mereka. Dengan melakukan amalan-amalan yang tidak berbudi bahasa telah menunjukkan bahawa responden tidak serius dalam menjadikan amalan ini sebagai sebahagian daripada cara hidup mereka. Justeru itu, adalah penting untuk menyedarkan mereka akan kepentingan mengaplikasikan amalan ini secara menyeluruh dalam kehidupan serta meninggalkan amalan-amalan

tidak berbudi bahasa kerana ia jelas tidak mendatangkan sebarang manfaat dan kebaikan kepada diri sendiri mahupun orang lain.

**Jadual 6: Tingkah Laku Responden Terhadap Amalan
'Budi Bahasa, Budaya Kita'**

	Tingkah laku terhadap amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita'	Kerap Dilakukan	Kadangkala Dilakukan	Neutral	Sekali Sekala Dilakukan	Tidak Pernah Dilakukan	Min
1.	Adakah masyarakat di sekeliling anda melakukan amalan-amalan seperti:						
	a) memberi salam	44	38	8	10	-	1.84
	b) membuang sampah sesuka hati	38	26	16	14	6	2.24
	c) melemparkan senyuman ikhlas	34	48	10	8	-	1.92
	d) memotong barisan dan tabiat memandu yang kurang sopan	42	28	10	12	8	2.16
	e) bersopan santun apabila berbicara	38	40	12	10	-	1.94
	f) berhempah ketika memandu	28	46	10	14	2	2.16
	g) mengelakkan diri daripadamenggunakan bahasa dan perkataan yang boleh menyakiti hati orang lain	24	48	18	10	-	2.14
	h) menghormati orang yang lebih tua	64	28	-	8	-	1.52
2.	Pernahkah anda melihat masyarakat di sekeliling anda:						
	a) memohon maaf apabila melakukan kesalahan	40	46	4	8	2	1.86
	b) merosakkan harta benda awam	22	28	24	18	8	2.62
	c) mengucapkan terima kasih	62	28	-	8	2	1.60
	d) menconteng di tempat-tempat awam	30	24	22	14	10	2.50
	e) menggunakan bahasa yang lembut dan sopan	22	58	10	10	-	2.08
	f) tidak bertimbang rasa ketika memandu di jalan raya	18	44	24	8	6	2.40
	g) tidak menghormati orang lain	26	36	20	12	6	2.36

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengetahuan Gen Y terhadap amalan 'Budi Bahasa, Budaya Kita' adalah tinggi. Pengetahuan Gen Y yang tinggi terhadap amalan 'Budi Bahasa, Budaya Kita' dapat dilihat apabila majoriti daripada mereka sememangnya memahami dan mengetahui akan maksud serta amalan-amalan yang digolongkan

sebagai berbudi bahasa. Di samping itu, mereka juga memahami dan mengetahui akan amalan-amalan atau perkara-perkara yang digolongkan sebagai tidak berbudi bahasa. Ini membuktikan kemungkinan pengetahuan Gen Y dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti didikan agama, budaya mahupun pengajaran di sekolah atau kempen-kempen amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' yang disebar secara meluas di media cetak dan elektronik.

Manakala, dari sudut sikap Gen Y terhadap amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' secara keseluruhannya pula menunjukkan, sikap mereka adalah positif dan berada di tahap yang sederhana. Sikap positif ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa, Gen Y sememangnya menyedari akan kepentingan bagi mereka untuk mengamalkan amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' dalam kehidupan seharian mereka. Di samping itu, Gen Y juga mengakui bahawa menjadi satu keperluan dan kewajipan untuk mereka mengaplikasikan amalan ini kerana ia sememangnya amalan baik yang harus diaplikasikan oleh setiap insan. Dengan mengakui bahawa amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' adalah penting serta menjadi satu keperluan dan kewajipan untuk mengamalkannya, ia secara tidak langsung menunjukkan pendirian Gen Y bahawa, amalan ini bukanlah satu pilihan yakni boleh memilih atau tidak untuk mengaplikasikannya, sebaliknya ia adalah satu tuntutan yang wajib untuk diamalkan oleh setiap individu.

Secara keseluruhannya, tingkah laku Gen Y terhadap amalan 'Budi Bahasa, Budaya Kita' adalah berada di tahap yang sederhana dan perlu dipertingkatkan. Hal ini kerana, adalah penting untuk mengubah tingkah laku Gen Y menjadi lebih baik dan positif terhadap amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' agar ia selari dengan pengetahuan mereka yang tinggi terhadap amalan ini. Adalah tidak mendatangkan manfaat dan kebaikan seandainya Gen Y yang hanya mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' ini, namun tingkah laku mereka menggambarkan sebaliknya. Dengan memperlihatkan tingkah laku yang sederhana terhadap amalan ini juga menunjukkan bahawa, Gen Y tidak mengambil serius akan kepentingan dan kewajipan untuk mengaplikasikan amalan ini tetapi hanya sekadar memperlihatkan sikap yang positif terhadap amalan ini sahaja. Dalam erti kata yang lain, Gen Y tidak menzahirkan sikap positif mereka terhadap amalan ini dalam kehidupan seharian mereka. Dapatan kajian ini juga bertepatan dengan dapatan kajian yang diperolehi oleh Jamilah et al. (2011) yang memperlihatkan pengetahuan yang baik oleh responden mengenai isu-isu alam sekitar di Malaysia, namun sikap dan tingkah laku mereka terhadap isu-isu tersebut adalah rendah serta tidak selari dengan tahap pengetahuan yang mereka miliki.

Kesimpulannya, pengetahuan Gen Y yang tinggi serta sikap Gen Y yang positif terhadap amalan 'Budi Bahasa, Budaya Kita' adalah sesuatu yang baik dan menyenangkan semua pihak. Namun, tingkah laku Gen Y yang tidak serius dalam mengamalkan amalan berbudi bahasa di samping turut mengamalkan amalan tidak berbudi bahasa dalam kehidupan mencetuskan kebimbangan dan harus ditangani dengan segera. Ini bagi mengelakkan tingkah laku Gen Y terhadap amalan ini

mejadi lebih negatif dan teruk di masa hadapan. Perilaku tidak berbudi bahasa yang dilakukan oleh Gen Y juga menggambarkan bahawa, amalan ini masih tidak diaplikasikan sepenuhnya dalam kehidupan mereka. Oleh itu, tindakan segera pihak berwajib perlu bagi mengatasi masalah ini agar tidak berlanjutan dan mendatangkan masalah kepada negara di kemudian hari.

RUJUKAN

- Ahmad Irfan, H. 2013. Generasi Y Malaysia Boleh dan Wajar Goncang Dunia. *The Malaysian Insider*. Diambil daripada <http://www.themalaysianinsider.com/rencana/article/generasi-y-malaysia-boleh-dan-wajar-goncang-dunia-ahmad-irfan-hani>
- Bernama. 2011. Kempen “Budi Bahasa Dan Budaya Kita” Bakal Diberi Nafas Baru. *Bernama.com*. Diambil daripada http://web6.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=592066
- Choong, Y.O., Keh, C.G., Tan, Y.T., Lim, Y.H. & Tho, M.S. 2013. *Propensity to Work Abroad Amongst Generation Y Working Adultss in Malaysia*. Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013. 4-5 June 2013, Penang, Malaysia.
- Haziq, A. 2013. Generasi Y, Generasi Teknologi Maklumat. *The Malaysian Insider*. Diambil daripada <http://www.themalaysianinsider.com/rencana/article/generasi-y-generasi-teknologi-maklumat-haziq-asyraf>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2011. *Budi Bahasa Budaya Kita*. Diambil daripada <http://www.islam.gov.my/e-hadith/budi-bahasa-budaya-kita>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2013. *Statistik Jumlah Penduduk Malaysia Mengikut Umur Bagi Tahun 2013*. Diambil daripada <http://pqi.stats.gov.my/result.php?token=26d7bf2f7fcfe1c6d473fde8dfb1489f>
- Jamilah A., Hasrina, M., Hamidah, A.H., & Juliana, A.W. 2011. Pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat Malaysia terhadap isu alam sekitar. *Akademika*, 81(3), 103-115.
- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. 2011. *Kempen Budi Bahasa Dirancarkan Semula*. Diambil daripada <http://kpdnkk.bernama.com/newsBm.php?id=569900>.
- Kementerian Penerangan Malaysia. 2008. *Budi Bahasa Budaya Kita*. Diambil daripada <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/budaya/5697-budi-bahasa-budaya-kita.html>

- Ketua Setiausaha Negara Malaysia (KSN). 2013. *Siri Syarahan Tahunan KSN 2013*. Laman Web Rasmi Ketua Setiausaha Negara Malaysia (KSN). Diambil daripada <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/1903>.
- Ku Seman, K.H. 2013. Buktikan Budi Bahasa Budaya Kita. *Utusan Malaysia*. Diambil daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130210/re_12/Buktikan-budi-bahasa-budaya-kita
- Megat, H. 2013. Idealisme Gen-Y dan Cabaran Masa Kini. *The Malaysian Insider*. (<http://www.themalaysianinsider.com/rencana/article/idealisme-gen-y-dan-cabaran-masa-kini-megat-hanis>).
- Meier, J. 2010. Generation in the Workplace: Managerial Challenges. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 6(1), 68-78.
- Norazlina, I. 2013. Budi Bahasa Makin Terhakis. *Utusan Malaysia*. Diambil daripada http://www.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20131010/ke_04/Budi-bahasa--makin-terhakis
- Norhidayyu, Z. 2012. Menilai Generasi Y. *Sinar Harian*. Diambil daripada <http://www.sinarharian.com.my/rencana/menilai-generasi-y-1.79885>
- Siti Shamsiah, M.S. 2012. *Budi Bahasa Cermin Peradaban Bangsa*. (<http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/utusan-malaysia/6706-budi-bahasa-cermin-peradaban-bangsa>).
- Tan Sri Dr. Rais Yatim. 2011. *Kempen "Budi Bahasa Dan Budaya Kita" Bakal Diberi Nafas Baru*. Diambil daripada http://www.raisyatim.my/comment.php?pageno=1&field=co_CreateDate&order=Desc&bl_ID=438&Title=KEMPEN%20%22BUDI%20BAHASA%20DAN%20BUDAYA%20KITA%22%20BAKAL%20DIBERI%20NAFAS%20BARU&PHPSESSID=0fb26d85bf7299a4d4478a4ad068d725#.VO17IHUdQA
- Utusan Malaysia. 2011. *Budi Bahasa Makin Hilang?* Diambil daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1230&sec=Sastera&pg=sa_01.htm
- Wan Mohd Ruzlan, W.O. 2011. Minda: Kemajuan hambar tanpa budi bahasa. *Harian Metro*. Diambil daripada http://www2.hmetro.com.my/articles/Minda_Kemajuanhambartanpabudibahasa/Article

Profil Penulis:***Jamilah Ahmad, PhD****Profesor Madya**Pusat Pengajian Komunikasi**Universiti Sains Malaysia**jahmad@usm.my**Tel: 04-6533603**Fax: 04-6577736****Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir****Pelajar Doktor Falsafah (Komunikasi)**Pusat Pengajian Komunikasi**Universiti Sains Malaysia**nasliza.usm@gmail.com**Tel: 019-4115354 / 04-6534143*